

Pelajar, ibu bapa tak perlu hadir ke kampus

Semua maklumat, kaedah akan dimaklum selepas menerima surat tawaran

Oleh Mohd Roji Kawi, Mohd Nasaruddin Parzi, Dziyaul Afnan Abdul Rahman dan Rafiqah Dahali
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Semua universiti awam (UA) akan melaksanakan kaedah pendaftaran kemasukan pelajar baharu ke kampus secara dalam talian pada Julai ini bagi mengelak risiko penularan COVID-19.

Majlis Persatuan Pentadbir Universiti Awam Malaysia (MASTI) memaklumkan, keputusan itu sudah diluluskan di peringkat senat UA, sekali gus pelajar dan ibu bapa mereka tidak perlu hadir ke kampus bagi urusan pendaftaran.

Presiden MASTI, Raja Shah Erman Raja Ariffin, berkata setiap pelajar baharu akan dimaklumkan mengenai cara dan kaedah pendaftaran kemasukan ke kampus secara dalam talian sebaik menerima surat tawaran yang dijangka dikeluarkan bermula minggu depan.

"Bagi urusan kemasukan pelajar baharu, memang pihak UA sudah bersedia dengan kaedah baharu. Pelajar hanya perlu mengesahkan terima kemasukan secara dalam talian dan urusan pembayaran berkaitan juga dibuat dalam talian," katanya ke-

tika dihubungi BH, semalam.

Mengenai kemungkinan ada dokumen tertentu perlu diserahkan secara fizikal bagi melengkapkan proses pendaftaran, beliau berkata, rata-rata pelajar yang memohon sudah mengisi maklumat mereka ketika membuat permohonan menerusi sistem Unit Pusat Universiti (UPU).

"Mungkin berkaitan PTPTN (Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional) yang memerlukan kehadiran pelajar, tapi saya yakin akan ada kaedah untuk memudahkan pelajar nanti," katanya.

Katanya, sejak awal pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) lagi, pentadbiran UA sudah meningkatkan keupayaan internet bagi membolehkan semua aktiviti akademik diadakan secara dalam talian termasuk sesi kuliah.

Selain itu, beliau menjelaskan, kebanyakan universiti turut merombak kurikulum untuk disesuaikan dengan persekitaran aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) baharu sepanjang tahun ini.

Kelmarin, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) mengumumkan kemasukan pelajar baharu UA, politeknik, kolej komuniti, institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) bagi sesi akademik 2020/2021 akan dibuat secara berperingkat bermula 1 Julai ini, tertakluk kepada tarikh penamatan PKP Bersyarat (PKPB).

Sementara itu, Naib Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Prof Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran, berkata pendaftaran pelajar baharu secara dalam talian dapat mengurangkan kehadiran individu da-



Pendaftaran pelajar baharu UA akan dilaksana melalui dalam talian yang dijadual Julai ini bagi mengelak risiko penularan COVID-19. (Foto hiasan)

lam kampus.

"Bila ada sesi pendaftaran pelajar baharu (di UPSI), kita jangka kira-kira 15,000 orang termasuk pelajar dan ibu bapa akan masuk ke kampus, ini memberi risiko kepada penularan wabak," katanya ketika dihubungi BH.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr M Iqbal Saripan, memaklumkan kemasukan pelajar baharu ijazah sarjana muda dan sarjana UPM akan bermula Oktober ini melalui pendaftaran dalam talian.

"Pelajar akan dimaklumkan menerusi fakulti masing-masing mengenai jadual kuliah dan kursus yang perlu diambil sepanjang semester pertama yang akan tamat Februari 2021. Sesi kuliah akan guna sistem dalam talian 'PutraBlast' untuk menyampaikan kuliah secara 'live' atau rakaman.

"Bagi pelajar yang berdepan masalah capaian internet, fakulti akan bantu menyampaikan nota-nota kuliah menerusi kaedah konvensional atau apa saja kae-

dah yang boleh dicapai pelajar. Jika memang sukar, kita pertimbang membawa pelajar berkenaan ke kampus," katanya.

Di **Kangar**, Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Prof Dr Badlishah Ahmad, berkata UniMAP akan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan kerajaan dalam menerima kemasukan pelajar baharu pada 1 Julai ini dengan pendaftaran secara dalam talian sepenuhnya.

"Pada 1 Julai nanti, hanya pelajar pasca siswazah mod penyelidikan akan dibenarkan menyambung kembali pengajian secara bersemuka di kampus selepas mengikut syarat ditetapkan universiti.

"Pelajar pasca siswazah yang hendak menyambung kembali penyelidikan pada 1 Julai perlu membuat permohonan selain mendapatkan kelulusan penyelia atau dekan pusat pengajian masing-masing," katanya.

Di **Kota Kinabalu**, Pengarah Politeknik Kota Kinabalu (PKK), Zainab Othman berkata, PKK akan mula menerima pelajar ba-

haru bermula 27 Julai, tertakluk kepada arahan dan garis panduan KPT serta Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), selain SOP PKPB.

"Pendaftaran masuk pelajar baharu semester satu akan dilaksanakan secara berperingkat dalam tempoh seminggu. Kita menempatkan semua pelajar di asrama bagi memudahkan kawalan dengan pelajar yang akan berada di kampus adalah dari semester satu, empat dan lima.

"Kuliah hanya bagi pembelajaran secara amali, manakala kelas teori pula adalah secara dalam talian sepenuhnya. PdP pelajar semester dua dan tiga dikendalikan dalam talian sepenuhnya, mereka tidak akan berada di kampus," katanya.

Di **Kota Samarahan**, Naib Canselor Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Prof Datuk Dr Mohd Kadim Suadi, berkata kemasukan pelajar baharu program asasi UNIMAS akan dimulakan awal Julai, disusuli pelajar baharu sarjana muda dan pasca siswazah mod penyelidikan bermula 1 Oktober.

"UNIMAS melaksanakan sanitasi di ruang dan kelas PdP serta kolej sebelum pelajar baharu masuk atau pelajar lama dibenarkan kembali ke kampus. Kami juga tubuhkan Jawatankuasa Khas COVID-19 pada Februari lalu untuk memantau situasi wabak di kampus," katanya.

Beliau menjelaskan, sesi PdP bagi pelajar sedia ada akan dilaksanakan sepenuhnya secara atas talian kecuali bagi pelajar yang benar-benar perlu berada di kampus.